

Aktiviti korek pasir jejaskan Orang Asli

KOTA TINGGI - Masyarakat Orang Asli di perkampungan Orang Asli Sayong Pinang dekat sini kecewa berikutan kerja-kerja mengorek pasir berdekatan Kuala Sungai Linggiu yang didakwa menjejaskan hasil tangkapan mereka.

Mereka mendakwa kerja mengorek pasir itu menyebabkan air sungai semakin keruh dan kotor sekali gus menyekat sumber pencarian mereka yang bergantung hidup kepada sungai sejak lebih 30 tahun lalu.

Ketua Pemudaanya, Aris Adong, 37, mendakwa, aktiviti yang dilakukan sejak lebih setahun itu turut menghakis tebing sungai.

"Kami juga curiga dengan status aktiviti mengorek pasir ini sama ada dilakukan secara sah atau tidak.

"Tetapi masalah besarnya ialah akibat kerja mengorek pasir yang tidak terkawal me-



SEORANG penduduk, Jasni Amat menunjukkan aktiviti mengorek pasir di Kuala Sungai Linggiu berhampiran Kampung Orang Asli Sayong Pinang di Kota Tinggi semalam.

nyebabkan ikan dan hidupan lain semakin berkurangan selain merosakkan peralatan menangkap ikan kami," katanya yang ditemui semalam.

Sehubungan itu, dia menggesa pihak berkaitan supaya memandang serius masalah

yang mereka hadapi sekali gus mengambil tindakan terhadap perkara terbabit.

Rakannya, Nordin Isa, 40, yang terkilang dengan kejadian itu turut memberitahu ramai penduduk kecewa kerana sumber pen-



ARIS

carian mereka kini terjejas.

"Kami memang orang kampung di sini dan memang kerja kami sebagai nelayan sungai sejak turun-temurun lagi," katanya.

Nordin berkata, jika sebelum ini dia boleh mendapat sehingga lima kilogram udang galah namun kini sukar untuk mendapat sekilogram.